

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 Julai 2007

SOALAN

Y.B. Puan Siw Chun a/p Eam minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kementerian bercadang mewujudkan “rumah transit” untuk warga tua bagi membolehkan anak-anak yang bekerja menghantar ibu bapa mereka melakukan aktiviti bersama rakan sebaya ketika waktu bekerja/pejabat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang berhormat, pewujudan Rumah 'Transit' untuk warga tua bagi membolehkan anak-anak yang bekerja menghantar ibu bapa mereka telahpun dimulakan pada tahun 2001. Pusat ini dinamakan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membina sebanyak 19 buah Pusat Jagaan Harian Warga Emas di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Ke- 8. Pusat-pusat ini dikendalikan oleh pertubuhan kebajikan sukarela dengan bantuan geran penyelenggaraan yang diberikan oleh Kerajaan. Program ini merupakan perkhidmatan bercorak 'reaching out' dan 'developmental', dengan izin, kepada warga emas dengan melalui perkongsian bijak antara JKM dengan pertubuhan sukarela kebajikan (PSK). Pusat Jagaan Harian Warga Emas bertujuan memberi satu kemudahan penjagaan harian kepada warga tua terutama yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga atau penjaga yang keluar bekerja. Di pusat ini pelbagai aktiviti disediakan bagi membolehkan warga emas terus berdikari, berinteraksi sesama mereka, memperolehi pengetahuan dan kemahiran supaya dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat. Sehubungan itu, komuniti setempat digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif melalui aktiviti inter-generasi di pusat ini supaya ianya benar-benar mencerminkan penglibatan menyeluruh semua pihak dalam menjamin kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas. Antara aktiviti yang disediakan di Pusat Jagaan Harian Warga Emas adalah aktiviti rekreasi, sukan, kesihatan, terapi/pemulihan, keagamaan, latihan/kursus dan kesukarelaan. Warga emas yang berusia 56 tahun ke atas, sihat dan dapat mengurus diri tanpa bantuan boleh mengikuti aktiviti dan program dengan datang secara 'walk-in', dengan izin, ke Pusat-Pusat Jagaan Harian Warga Emas tersebut.

